



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2013

**PEMBERIAN PEMINDAHAN GAJI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN
AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan¹ mengenai pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan memutuskan supaya kajian penambahbaikan skim perkhidmatan, penambahbaikan landasan kemajuan kerjaya serta pembetulan kepada masalah struktur gaji dalam SSM diselesaikan sebelum 31 Disember 2013.

¹ Ucapan YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga Belas (MAPPA XIII) pada 11 Mac 2013.

3. Berikutan daripada kajian penambahbaikan tersebut, gaji pegawai di bawah SSM akan dipindahkan ke struktur gaji baru dengan diberikan faedah pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT.

4. Memandangkan kajian tersebut dijangka selesai pada akhir tahun 2013, maka Kerajaan bersetuju supaya faedah pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT diberi lebih awal pada 1 Julai 2013.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

5. Pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT ini melibatkan pegawai Perkhidmatan Awam di bawah SSM bertaraf tetap, sementara dan kontrak (*Contract of Service*) yang telah dilantik sebelum 1 Julai 2013 dan sedang berkhidmat pada 1 Julai 2013, termasuk pegawai yang berada dalam keadaan seperti berikut:

5.1 pegawai yang dipinjam atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan.

5.2 pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta.

5.3 pegawai yang cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji.

5.4 pegawai yang meninggal dunia pada 1 Julai 2013.

Pegawai Yang Tidak Layak

6. Urusan pemberian pemindahan gaji ini tidak melibatkan:

- 6.1 pegawai yang masih berkhidmat di bawah saraan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976 atau Sistem Saraan Baru (SSB).
- 6.2 pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013.
- 6.3 pegawai yang dilantik mulai 1 Julai 2013.
- 6.4 pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Julai 2013.
- 6.5 pegawai yang meninggal dunia pada atau sebelum 30 Jun 2013.

Prinsip dan Kaedah Pemberian Pemindahan Gaji

7. Pegawai yang layak akan diberi pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred jawatan/ gred gaji masing-masing pada 1 Julai 2013 berdasarkan gaji hakiki pegawai pada 30 Jun 2013. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran A**.

8. Dalam keadaan pemberian pemindahan gaji ini tidak dapat ditampung oleh amaun gaji maksimum dalam Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM), Ketua Jabatan **hendaklah mengemukakan permohonan penetapan gaji Khas Untuk Penyandang (KUP)** kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemas kini. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran B**.

9. Pegawai yang gaji akhirnya pada 30 Jun 2013 berada di gaji KUP yang diluluskan JPA atau berada di gaji maksimum sama ada mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013, surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-5 Jld.3 bertarikh 14 Mac 2013 atau surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-6 Jld.3 bertarikh 14 Mac 2013, Ketua Jabatan **hendaklah mengemukakan permohonan penetapan**

gaji KUP kepada Bahagian Saraan, JPA beserta dengan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemas kini. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran C**.

10. Bagi jawatan peminjaman atau tukar sementara ke agensi Kerajaan, pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT hendaklah diberi secara isyarat di gaji hakiki oleh Ketua Jabatan asal dan pemindahan gaji diberi di jawatan peminjaman atau tukar sementara oleh Ketua Jabatan agensi peminjam.

11. Pegawai yang cuti separuh gaji, gaji hakiki pegawai hendaklah diberi pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT dan dibayar separuh daripada amaun gaji baru.

12. Pegawai yang cuti tanpa gaji, gaji hakiki pegawai hendaklah diberi pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT dan pegawai akan dibayar gaji baru apabila kembali bertugas.

13. Bagi pegawai yang dinaikkan pangkat atau ditukar lantik atau dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) berkuat kuasa 1 Julai 2013, gaji pegawai hendaklah diberi pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT di gred baru selepas urusan penetapan gaji pemulaan di gred kenaikan pangkat atau tukar lantik atau KPSL dilaksanakan. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran D**.

14. Bagi urusan kenaikan pangkat, pertukaran pelantikan atau pelantikan secara KPSL yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Julai 2013, pemberian pemindahan gaji ini boleh diselaraskan dan dibayar berkuat kuasa 1 Julai 2013.

15. Pemberian pemindahan gaji ini tidak mengubah struktur JGMM yang ditetapkan seperti di Lampiran A Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013,

surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-5 Jld.3 bertarikh 14 Mac 2013 dan surat JPA.SARAAN(S)256/21/17-6 Jld.3 bertarikh 14 Mac 2013.

16. Perubahan gaji berikutan pemberian pemindahan gaji ini hendaklah dicatatkan dalam Kenyataan Perkhidmatan semua pegawai yang terlibat.

Pergerakan Gaji Tahunan

17. Pemberian pemindahan gaji ini tidak menjejaskan Pergerakan Gaji Tahunan pegawai bagi tahun 2013 dan tahun berikutnya, tertakluk kepada had gaji maksimum dalam JGMM serta pegawai memenuhi syarat dan peraturan Pergerakan Gaji Tahunan yang berkuat kuasa.

Tarikh Pergerakan Gaji

18. Pemberian pemindahan gaji ini tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) pegawai.

Elaun dan Kemudahan

19. Syarat dan peraturan elaun dan kemudahan yang berkuat kuasa dikekalkan.

TARIKH KUAT KUASA

20. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013**.

PEMAKAIAN

21. Tertakluk kepada penerimaan pakai pekeliling perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

13 Jun 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**CONTOH 1: KAEDAH PEMINDAHAN GAJI BAGI
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N17**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Julai 2013
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April
 Gaji Minimum - Maksimum : RM927.03 - RM3,089.68
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM95

Tarikh	Gaji Sekarang Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N17 (RM)	Catatan
1.1.2012	2,709.68 (P3)	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.4.2012	2,804.68 (P3) (Maksimum) [diberi 1 KGT di Gred N17 iaitu RM95]	-	TPG Gred N17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).
1.1.2013	2,804.68 (P3) (Maksimum)	2,804.68 [dipindahkan ke JGMM baru]	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
1.4.2013	-	2,899.68 [diberi 1 KGT di Gred N17 iaitu RM95]	TPG Gred N17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
30.6.2013	-	2,899.68	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT.
1.7.2013	-	2,994.68 [diberi 1 KGT di Gred N17 iaitu RM95]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji / gred jawatan pegawai.
1.4.2014	-	3,089.68 (Maksimum) [diberi 1 KGT di Gred N17 iaitu RM95]	TPG Gred N17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

**CONTOH 2: KAEDAH PEMINDAHAN GAJI BAGI
PEGAWAI PENERANGAN GRED S54**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Julai 2013

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari

Gaji Minimum - Maksimum : RM5,830.00 - RM9,562.90

Kenaikan Gaji Tahunan : RM320

Tarikh	Gaji Sekarang Gred S54 (RM)	Gaji Baru Gred S54 (RM)	Catatan
31.12.2011	7,574.90 (KUP S54-1)		Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.1.2012	8,559.64 (P2)	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.1.2012	8,602.90 (P2) (Maksimum) [diberi KGT di gred S54 terhad kepada gaji maksimum P2]	-	TPG Gred S54. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Dalam hal ini, KGT pegawai ialah RM43.26 iaitu kurang daripada KGT penuh iaitu RM320.
1.1.2013	8,602.90 (P2) (Maksimum)	8,602.90 [dipindahkan ke JGMM baru]	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
1.1.2013	-	8,922.90 [diberi 1 KGT di Gred S54 iaitu RM320]	TPG Gred S54. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
30.6.2013	-	8,922.90	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT.
1.7.2013	-	9,242.90 [diberi 1 KGT di Gred S54 iaitu RM320]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji / gred jawatan pegawai.

Tarikh	Gaji Sekarang Gred S54 (RM)	Gaji Baru Gred S54 (RM)	Catatan
1.1.2014	-	9,562.90 (Maksimum) [diberi 1 KGT di Gred S54 iaitu RM320]	TPG Gred S54. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

**CONTOH 3: KAEDAH PEMINDAHAN GAJI BAGI
PEMANDU KENDERAAN GRED R3**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Julai 2013

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Gaji Minimum - Maksimum : RM792.60 - RM2,007.76

Kenaikan Gaji Tahunan : RM80

Tarikh	Gaji Sekarang Gred R3 (RM)	Gaji Baru Gred R3 (RM)	Catatan
1.1.2012	1,272.52 (P2)	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.7.2012	1,352.52 (P2) [diberi 1 KGT di Gred R3 iaitu RM80]	-	TPG Gred R3. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).
1.1.2013	1,352.52 (P2)	1,352.52 [dipindahkan ke JGMM baru]	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
1.7.2013	-	1,432.52 [diberi 1 KGT di Gred R3 iaitu RM80]	TPG Gred R3. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2013	-	1,432.52	Gaji pegawai sebelum pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT.
1.7.2013	-	1,512.52 [diberi 1 KGT di Gred R3 iaitu RM80]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji / gred jawatan pegawai.
1.7.2014	-	1,592.52 [diberi 1 KGT di Gred R3 iaitu RM80]	TPG Gred R3. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

**CONTOH 4: KAEDAH PEMINDAHAN GAJI BAGI
PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM GRED UTAMA A (VUX5)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Julai 2013

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober

Gaji Minimum - Maksimum : RM8,596.86 - RM17,573.42

Kenaikan Gaji Tahunan : 9% daripada gaji pegawai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred VUX5 (RM)	Gaji Baru Gred VUX5 (RM)	Catatan
1.1.2012	15,363.50 (KUP)	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 9% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.10.2012	15,363.50 (KUP)	-	TPG Gred VUX5. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.
1.1.2013	15,363.50 (KUP)	15,363.50 [dipindahkan ke JGMM yang baru]	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
30.6.2013	-	15,363.50	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT.
1.7.2013	-	16,746.22 [diberi 1 KGT di Gred VUX5 iaitu 9% daripada gaji pegawai]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji/ gred jawatan pegawai.
1.10.2013	-	17,573.42 [diberi KGT di gred VUX5 terhad kepada gaji maksimum]	TPG Gred VUX5. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Dalam hal ini, KGT pegawai ialah RM827.20 yang mana kurang daripada KGT penuh iaitu 9% daripada gaji pegawai.
1.10.2014	-	17,573.42 (Gaji Maksimum)	TPG Gred VUX5. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji maksimum.

**CONTOH KAEDAH PEMINDAHAN GAJI BAGI
PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U17 YANG MENDAPAT PEMINDAHAN
GAJI KURANG DARIPADA AMAUN SATU (1) KGT PENUH**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Julai 2013
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari
 Gaji Minimum - Maksimum : RM974.88 - RM2,541.06
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM95

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U17 (RM)	Gaji Baru Gred U17 (RM)	Catatan
1.1.2012	2,439.98 (P1) (KUP)	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.1.2012	2,439.98 (P1) (KUP)	-	TPG Gred U17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.
1.1.2013	2,439.98 (P1) (KUP)	2,439.98	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
1.1.2013	-	2,534.98 [diberi 1 KGT di Gred U17 iaitu RM95]	TPG Gred U17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
30.6.2013	-	2,534.98	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT.
1.7.2013	-	2,541.06 (Maksimum) [diberi 1 KGT di Gred U17 tetapi terhad kepada amaun gaji maksimum]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji/ gred jawatan pegawai, tetapi terhad kepada amaun gaji maksimum.

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U17 (RM)	Gaji Baru Gred U17 (RM)	Catatan
			Pemindahan gaji pegawai sebanyak RM6.08 iaitu kurang daripada amaun satu (1) KGT penuh, maka Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan gaji KUP kepada Bahagian Saraan, JPA dengan dikemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemas kini.
1.7.2013	-	2,629.98 (KUP) [diberi 1 KGT di Gred U17 secara KUP]	Pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT secara KUP setelah diluluskan oleh JPA. Gaji hakiki pegawai pada 30 Jun 2013 ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji / gred jawatan pegawai.
1.1.2014	-	2,629.98 (KUP)	TPG Gred U17. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.

**CONTOH KAEDAH PEMINDAHAN GAJI BAGI PEGAWAI PEMULIHAN
PERUBATAN GRED U41 YANG BERADA DI GAJI KUP**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Julai 2013

Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari

Gaji Minimum - Maksimum : RM2,259.08 - RM6,909.25

Kenaikan Gaji Tahunan : RM225

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U41 (RM)	Gaji Baru Gred U41 (RM)	Catatan
1.1.2012	7,341.06 (KUP)	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.1.2012	7,341.06 (KUP)	-	TPG Gred U41. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.
31.12.2012	7,341.06 (KUP)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2013	7,341.06 (KUP)	7,341.06 (KUP) [dipindahkan ke JGMM yang baru dan kekal di gaji KUP]	Tarikh kuat kuasa JGMM baru. Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama. Gaji hakiki pegawai melebihi gaji maksimum dalam JGMM baru, maka pegawai masih kekal diperuntukkan gaji KUP.
1.1.2013	-	7,341.06 (KUP)	TPG Gred U41. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.
30.6.2013	-	7,341.06 (KUP)	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT.
1.7.2013	-	7,341.06 (KUP)	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Pemindahan gaji pegawai terhad kepada amaun gaji maksimum, maka Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan gaji KUP kepada Bahagian Saraan, JPA dengan

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U41 (RM)	Gaji Baru Gred U41 (RM)	Catatan
			dikemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemas kini.
1.7.2013	-	7,566.06 (KUP) [diberi 1 KGT di Gred U41 iaitu RM225]	Pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT secara KUP setelah diluluskan oleh JPA. Gaji hakiki pegawai pada 30 Jun 2013 ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji / gred jawatan pegawai.
1.1.2014	-	7,566.06 (KUP)	TPG Gred U41. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.

**CONTOH 1: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
PEGAWAI PENERANGAN GRED S44 YANG DINAIKKAN PANGKAT KE GRED
S48 PADA TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Julai 2013
Tarikh Pergerakan Gaji Asal	: 1 April
Gaji Minimum - Maksimum S44	: RM3,362.91 – RM7,114.68
Kenaikan Gaji Tahunan S44	: RM250
Tarikh Kenaikan Pangkat	: 1 Julai 2013
TPG Gred Kenaikan Pangkat	: 1 Julai
Gaji Minimum - Maksimum S48	: RM4,913.30 – RM8,219.84
Kenaikan Gaji Tahunan S48	: RM270

Tarikh	Gaji Sekarang Gred S44 (RM)	Gaji Baru Gred S44 (RM)	Gaji Baru Gred S48 (RM)	Catatan
1.1.2012	4,826.85 (P2)	-	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.4.2012	5,076.85 (P2) [diberi 1 KGT di Gred S44 iaitu RM250]	-	-	TPG Gred S44. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).
31.12.2012	5,076.85 (P2)	-	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa JGMM baru.
1.1.2013	5,076.85 (P2)	5,076.85 [dipindahkan ke JGMM baru]	-	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
1.4.2013	-	5,326.85 [diberi 1 KGT di Gred S44 iaitu RM250]	-	TPG Gred S44. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
30.6.2013	-	5,326.85	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh naik pangkat.
1.7.2013	-	5,576.85 [amaun gaji yang perlu	5,576.85	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat. Penetapan gaji permulaan di gred kenaikan pangkat.

Tarikh	Gaji Sekarang Gred S44 (RM)	Gaji Baru Gred S44 (RM)	Gaji Baru Gred S48 (RM)	Catatan
		diselaraskan mengikut prinsip kenaikan pangkat]		TPG berubah dari 1 April ke 1 Julai mulai tahun berikutnya.
1.7.2013	-	-	5,846.85 [diberi 1 KGT di Gred S48 iaitu RM270]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji / gred jawatan pegawai.
1.7.2014	-	-	6,116.85 [diberi 1 KGT di Gred S48 iaitu RM270]	TPG Gred S48. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

**CONTOH 2: KAEDAH PEMINDAHAN GAJI
BAGI PEMBANTU TADBIR KESETIAUSAHAAN GRED N17
KE PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N27 YANG MEMENUHI
SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN PADA TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Julai 2013
Tarikh Pergerakan Gaji Asal	: 1 Oktober
Gaji Minimum - Maksimum Gred N17	: RM927.03 - RM3,089.68
Kenaikan Gaji Tahunan N17	: RM95
Gaji Minimum - Maksimum Gred N27	: RM1,361.14 - RM4,427.94
Kenaikan Gaji Tahunan N27	: RM145
Tarikh Pergerakan Gaji Baru	: 1 Julai
Tarikh Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan	: 1 Julai 2013

Tarikh	Gaji Sekarang Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N27 (RM)	Catatan
1.1.2012	1,378.22 (P1)	-	-	Gaji pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012.
1.10.2012	1,473.22 (P1) [diberi 1 KGT di Gred N17 iaitu RM95]	-	-	TPG Gred N17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).
1.1.2013	1,473.22 (P1)	1,473.22 [dipindahkan ke JGMM baru Gred N17]	-	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
30.6.2013		1,473.22	-	Pegawai memenuhi syarat pertukaran pelantikan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009. Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
1.7.2013		1,568.22 [amaun gaji yang diselaraskan mengikut prinsip tukar]	1,568.22	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang ditawarkan kepada pegawai. TPG berubah dari 1 Oktober ke 1

Tarikh	Gaji Sekarang Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N27 (RM)	Catatan
		lantik berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009]		Julai mulai tahun berikutnya.
1.7.2013	-	-	1,713.22 [diberi 1 KGT di Gred N27 iaitu RM145]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji/ gred jawatan pegawai.
1.7.2014	-	-	1,858.22 [diberi 1 KGT di Gred N27 iaitu RM145]	TPG di Gred N27. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

**CONTOH 3: KAEDAH PEMINDAHAN GAJI
BAGI PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) N17 YANG DINAIKKAN
PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) KE PENOLONG PEGAWAI TADBIR
(N27) PADA TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Julai 2013
Tarikh Pergerakan Gaji Asal	: 1 April
Gaji Minimum - Maksimum Gred N17	: RM927.03 - RM3,089.68
Kenaikan Gaji Tahunan N17	: RM95
Gaji Minimum - Maksimum Gred N27	: RM1,361.14 - RM4,427.94
Kenaikan Gaji Tahunan N27	: RM145
Tarikh Pergerakan Gaji Baru	: 1 Julai
Tarikh Kuat Kuasa KPSL	: 1 Julai 2013

Tarikh	Gaji Sekarang Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N27 (RM)	Catatan
1.1.2012	1,321.82 (P1)	-	-	Gaji Pegawai setelah diberi kenaikan gaji 13% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 2012.
1.4.2012	1,416.82 (P1) [diberi 1 KGT di Gred N17 iaitu RM95]	-	-	TPG Gred N17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).
1.1.2013	1,416.82 (P1)	1,416.82 [dipindahkan ke JGMM baru]	-	Pemindahan gaji pegawai ke JGMM baru pada amaun yang sama mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
1.4.2013	-	1,511.82 [diberi 1 KGT di Gred N17 iaitu RM95]	-	TPG Gred N17. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
30.6.2013	-	1,511.82	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa KPSL.
1.7.2013	-	1,606.82 [amaun gaji yang perlu diselaraskan]	1,606.82	Tarikh kuat kuasa KPSL. Gaji permulaan KPSL yang boleh ditawarkan kepada pegawai. TPG berubah dari 1 April ke 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N17 (RM)	Gaji Baru Gred N27 (RM)	Catatan
		mengikut prinsip KPSL]		mulai tahun berikutnya.
1.7.2013	-	-	1,751.82 [diberi 1 KGT di Gred N27 iaitu RM145]	Tarikh kuat kuasa pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Gaji pegawai ditambah amaun bersamaan satu (1) KGT mengikut gred gaji/ gred jawatan pegawai.
1.7.2014	-	-	1,896.82 [diberi 1 KGT di Gred N27 iaitu RM145]	TPG di Gred N27. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.